

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION  
BIN ISMAIL [KULIM-BANDAR BHARU]**

**TARIKH : 06 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ KULIM-BANDAR BHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai terkini nama-nama Ahli Parlimen yang dilantik sebagai pengerusi GLC dan jumlah elaun atau terimaan dan kemudahan-kemudahan yang setiap mereka peroleh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Julai 2020, seramai 12 orang Ahli Parlimen telah dilantik sebagai Pengerusi syarikat-syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD]. Senarai penuh Ahli Parlimen tersebut adalah seperti berikut:-

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Bil.</b>	<b>Jawatan Dalam Lembaga</b>	<b>Syarikat</b>
1.	YAB Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin	1.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Khazanah Nasional Berhad
		2.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Yayasan Pelaburan Bumiputera
2.	YB ACP (B) Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor	3.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Amanah Raya Berhad
3.	YB Dato' Hasbullah bin Osman	4.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Syarikat Perumahan Negara Berhad
4.	YB Dato' Jalaluddin bin Alias	5.	Pengerusi Bukan Eksekutif	UDA Holdings Berhad
5.	YB Dato' Seri Diraja Mahdzir bin Khalid	6.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Tenaga Nasional Berhad
6.	YB Dato' Sri Hassan bin Arifin	7.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Pengurusan Aset Air Berhad
7.	YB Dato' Sri Hj Rohani binti Abdul Karim	8.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Padiberas Nasional Berhad
8.	YB Dato Sri Tajuddin bin Abdul Rahman	9.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Prasarana Malaysia Berhad
9.	YB Datuk Musa bin Sheikh Fadzir	10.	Pengerusi Bukan Eksekutif	JKP Sdn Bhd
10.	YB Datuk Zakaria bin Mohd Edris @ Tubau	11.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Perbadanan Nasional Berhad
11.	YB Tuan Haji Ahmad Johnie bin Haji Zawawi	12.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Indah Water Konsortium Sdn Bhd
12.	YB Ustaz Sabri bin Hj Azit	13.	Pengerusi Bukan Eksekutif	Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad

## **NO SOALAN : 49**

Kriteria pencalonan dan pelantikan Pengerusi bagi syarikat-syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] dibuat berdasarkan kesesuaian dari segi kelayakan, pengalaman dan kepakaran seseorang individu.

Secara prinsipnya, kadar elaun dan insentif yang layak bagi Pengerusi syarikat MKD seperti kemudahan insurans perubatan dan elaun telefon bimbit adalah berbeza-beza mengikut kemampuan kewangan syarikat masing-masing. Butiran lanjut berkaitan imbuhan seperti elaun bulanan boleh diperolehi daripada penyata kewangan beraudit syarikat yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Sekian, terima kasih.